

Kontraktor disyaki jadi dalang

Sampah dikesan dibuang, longgok tepi tebing sungai

IZWAN ROZLIN

PETALING JAYA - Terdapat individu tertentu dikesan terbahit mengutip wang daripada pemandu lori kontraktor sampah bagi membolehkan sisa pepejal itu dibuang di kawasan tepi sungai di bawah kabel bertvoltan tinggi milik Tenaga Nasional Berhad di PJS 5/1.

Kegiatan pembuangan sampah haram itu disedari penduduk sejak sebulan lalu selepas hampir setiap hari banyak lori dikesan keluar masuk membuang sampah di tebing sungai terbahit.

Wakil penduduk Flat Desa Ria, K Ravi, 49, berkata, penduduk mengesyaki mereka yang terlibat membuang sampah di tebing adalah kontraktor sampah domestik dan pukat dilantik pihak berkuasa tempatan.

"Apabila pegawai Jabatan Pengairan Saliran (JPS) datang mereka berhenti melakukan-nya namun sebaik sahaja pegawai beredar, lori-lori ini akan terus membuang sampah di tebing tersebut," katanya.

Menurutnya, lori terbahit kebiasaannya akan membuang sampah di situ pada waktu petang sehingga malam.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi terbahit semalam mendapati, keadaan tebing Sungai Penchala tidak ubah seperti tapak pelupusan sampah kerana dipenuhi sampah domestik dan pukat.

Seorang lagi penduduk, R Rajeswary, 36, berkata, bau busuk cukup ketara kerana blok rumahnya terletak di hadapan sungai tersebut.

"Bau teramat busuk selepas hujan ditambah dengan masalah lalat yang masuk ke

dalam rumah," katanya.

Susulan laporan dibuat penduduk flat berkenaan, Ahli Parlimen Kelana Jaya, Gwo Burne Loh dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad turun padang meninjau masalah tersebut.

Nik Nazmi berkata, pihaknya akan membawa perkara itu kepada pengetahuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Pejabat Daerah Petaling dan JPS Negeri Selangor untuk tindakan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ, Dr Chitra Devi berkata, sekiranya benar kontraktor kutipan sampah MBPJ terlibat membuang sampah secara haram di tebing sungai itu, tindakan tegas akan diambil termasuk menamatkan kontrak syarikat terlibat



Nik Nazmi (dua, kiri) meninjau keadaan tebing sungai yang dipenuhi sampah di PJS 5/1.

dengan serta-merta.

"Kita tidak akan kompromi tentang hal-hal seperti ini, jika ada bukti, kemukakan sekali supaya mudah untuk kita ambil tindakan," katanya.

Menurutnya, siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada kontraktor terlibat merupakan kontraktor kutipan MBPJ atau sebaliknya.

"Kerja-kerja pembersihan di lokasi terjejas akan dibuat bersama JPS dan pejabat tanah dan ianya akan dilaksanakan dalam waktu terdekat," katanya.